



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 10 TAHUN 2012**

**PINDAAN BAGI HAD USIA MELESENKEN KENDERAAN BARU SEBAGAI
BAS EKSPRES DAN BAS BERHENTI-HENTI**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 26 SEPTEMBER 2012

**Persatuan Pengusaha Bas
Pengendali Bas Ekspres
Pengendali Bas Berhenti-henti**

**PINDAAN BAGI HAD USIA MELESENKEN KENDERAAN BARU BAS
SEBAGAI BAS EKSPRES DAN BAS BERHENTI-HENTI**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua persatuan pengusaha bas, pengendali bas ekspres dan pengendali bas berhenti-henti berhubung pindaan had usia melesenken kenderaan baru bas sebagai bas ekspres dan bas berhenti-henti.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 14 Tahun 2005 : Penetapan Had Usia Kenderaan Perkhidmatan Awam Bas Ekspres dan Bas Berhenti-henti telah menetapkan kenderaan baru bas yang dilesenkan bagi kedua-dua kelas lesen tersebut perlu berusia tidak melebihi tiga (3) tahun dari tahun ianya didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah memutuskan had usia melesen kenderaan baru sebagai bas ekspres dan bas berhenti-henti adalah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh ianya dibuat, seperti yang tercatit dalam Kad Pendaftaran kenderaan.
5. Dalam pada itu, had usia kenderaan yang boleh digunakan sebagai bas ekspres dikekalkan sehingga 10 tahun manakala bas berhenti-henti sehingga 15 tahun sahaja, yang dikira dari tarikh ianya dibuat seperti yang tercatit di dalam Kad Pendaftaran kenderaan.

TARIKH KUATKUASA

6. Arahan pekeliling pindaan bagi had usia melesenkan kenderaan baru bas sebagai bas ekspres dan bas berhenti-henti berkuatkuasa serta-merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(AZHAR BIN AHMAD)
Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

26 SEPTEMBER 2012

Salinan kepada:

Ketua Bahagian Pengangkutan Awam Jalan

Ketua Bahagian Operasi Negeri

Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Latihan

Semua Ketua Wilayah

